

DENZOL SUSPENSION/TABLET

Albendazole (20 mg/ml, 200 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Denzol
2. Bagaimana Denzol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Denzol
4. Cara menggunakan Denzol
5. Semasa menggunakan Denzol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Denzol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Denzol

Denzol digunakan untuk merawat jangkitan cacing seperti cacing benang/ cacing kait, cacing gelang, cacing cambuk, cacing kerawit, cacing pita dan lain-lain.

Bagaimana Denzol berfungsi

Ia berfungsi dengan membunuh cacing, telur atau peringkat larva cacing.

Sebelum menggunakan Denzol

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Denzol jika:

- Anda alah kepada Albendazole atau mana-mana bahan yang terkandung di dalam ubat ini
- Anda mengandung atau mungkin hamil

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Denzol

Ia boleh menyebabkan kemudaratan pada janin. Oleh itu, wanita yang boleh mengandung hanya boleh memulakan rawatan selepas ujian kehamilan yang negatif.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat ini:

- Dexamethasone (sejenis steroid)
- Praziquantel (ubat anti-cacing)
- Cimetidine (ubat untuk merawat ulser perut dan pedih ulu hati)

Cara menggunakan Denzol

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Denzol diambil secara oral dan perlu diambil selepas makan.

Enterobiasis, ascariasis, ancylostomiasis, atau trichuriasis:

Dewasa dan kanak-kanak melebihi 2 tahun: 400 mg sebagai dos tunggal.

Kanak-kanak sehingga 2 tahun: 200 mg sebagai dos tunggal.

Dos mungkin perlu diulang dalam masa 3 minggu.

Taeniasis, strongyloidiasis:

400 mg/hari selama 3 hari.

Capillariasis:

400 mg/ hari selama 10 hari.

Neurocysticercosis:

15 mg / kg / hari selama 30 hari.

Trichostrongyliasis:

400 mg dos tunggal

Penyakit Hydatid:

Individu dengan berat melebihi 60 kg: 400 mg dua kali sehari selama 28 hari diikuti dengan 2 minggu tanpa ubat. Dos perlu diulangi selama 2-3 kitaran dan jika perlu, sehingga 5 kitaran.

Individu dengan berat kurang dari 60 kg: 10 - 15 mg / kg / hari selama 28 hari.

Filariasis:

400 mg dengan ubat yang dikenali sebagai diethyl carbamazine 6 mg / kg diambil sekali.

Rejimen ini diambil setiap tahun selama 4 - 6 tahun.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat bersama makanan atau seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Guna ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa mengikut jadual. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Denzol

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Jika anda mengambil albendazole dengan dos yang tinggi, anda perlu memantau kiraan darah dan fungsi hati dengan teliti.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Denzol.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Denzol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Denzol boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan termasuk sakit perut, cirit-birit, sakit kepala dan pening. Lain-lain termasuk peningkatan tahap enzim hati, pengurangan sel darah putih dan kiraan platelet darah.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web <http://npra.gov.my> (Pengguna → Pelaporan Kesan Sampingan Ubat-ubatan(ConSERF) atau Kesan Advers Vaksin (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan Denzol

Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30 °C. Lindungi daripada cahaya.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Denzol Tablets:

Tablet berwarna putih, berbentuk bulat dwicembung, tablet bersalut filem yang licin dan berkilat serta ukiran E1A3 pada satu bahagian.

Denzol Suspension:

Suspensi manis yang berwarna putih hingga putih kekuningan dengan perisa pisang.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Albendazole

- Bahan tidak aktif

Denzol Tablet:

Lactose monohydrate, maize starch, Magnesium stearate, Talc purified, Sodium starch glycolate, Titanium dioxide, Sodium lauryl sulphate, Polyethylene glycol, Polyplasidone XL, Polyvinyl pyrrolidone K25, Hydroxy propyl methylcellulose.

Denzol Suspension:

Silicon dioxide colloidal, Glycerin, Carboxymethyl cellulose sodium, Sorbic acid, Methyl paraben sodium, Propyl paraben sodium, banana flavour concentrate, Sucralose, Benzoic acid, Sodium benzoate Propylene glycol dan Purified water.

- Nombor MAL

Denzol 200mg Film Coated Tablet -
MAL09020980XZ

Denzol 20mg/ml Suspension –
MAL10080070XZ

Pengilang

Egyptian International Pharmaceutical Industries Co. (EIPICO)
Tenth of Ramadhan City,
Industrial Area B1,
P.O.Box: 149 Tenth,
Egypt

Pemegang Pendaftaran Produk

Averroes Pharmaceutical Sdn. Bhd
03-08-01&03-09-01, Block 3, Presint Alami, Worldwide Business Centre II,
Persiaran Akuatik, Seksyen 13,
40100 Shah Alam,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

21/02/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)09112022/00099